

# ZINNAT TABLET

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZINNAT
2. Bagaimana ZINNAT berfungsi
3. Sebelum mengambil ZINNAT
4. Cara menggunakan ZINNAT
5. Semasa menggunakan ZINNAT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZINNAT
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan ZINNAT

ZINNAT digunakan di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak untuk rawatan jangkitan pada:

- Telinga, hidung dan tekak
- Paru-paru atau dada
- Saluran kencing
- Kulit dan tisu lembut

ZINNAT juga digunakan untuk merawat:

- Jangkitan seksual

Doktor anda perlu menguji jenis bakteria yang menyebabkan jangkitan dan memantau sama ada bakteria sensitif kepada ZINNAT semasa rawatan anda

## Bagaimana ZINNAT berfungsi

ZINNAT tergolong dalam kumpulan antibiotik yang dikenali sebagai cephalosporins. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum mengambil ZINNAT

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Zinnat:

- jika anda alah (hipersensitif) kepada cefuroxime atau mana-mana

bahan kandungan Zinnat lain.

ZINNAT tidak disyorkan untuk kanak-kanak berumur di bawah 3 bulan, kerana ia tidak dikaji secara menyeluruh untuk golongan umur ini.

### - Sebelum mula mengambil

Sila maklumkan doktor jika anda mengalami sebarang alergi terhadap penicillin atau beta-lactams yang lain (penicillins, monobactams dan carbapenems).

Maklumat mengenai keselamatan ZINNAT di kalangan wanita hamil adalah terhad. Jika anda hamil, doktor anda akan berbincang dengan anda sama ada manfaat pengambilan ZINNAT melebihi risiko kepada bayi.

Bahan kandungan ZINNAT boleh meresap ke dalam susu ibu. Jika anda sedang menyusukan bayi, anda harus memaklumkan doktor anda sebelum mengambil ZINNAT.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, atau mula mengambil ubat yang baru. Ini termasuk ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi.

Ubat yang digunakan untuk mengurangkan asid gastrik perut anda (contohnya antasid untuk merawat kepedihan ulu hati) boleh mempengaruhi cara ZINNAT berfungsi.

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang

mengambil sebarang ubat-ubatan seperti ini.

ZINNAT boleh mengurangkan keberkesanan pil perancang. Jika anda mengambil pil perancang sewaktu rawatan ZINNAT, anda dinasihatkan untuk menggunakan kaedah halangan (seperti kondom). Maklumkan doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

Cara menggunakan ZINNAT

- Berapa banyak harus digunakan

Sila ambil ZINNAT seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, doktor akan mengurangkan kekerapan anda.

### Orang dewasa:

Dos biasa ZINNAT adalah 250mg ke 500mg dua kali sehari bergantung kepada tahap dan jenis jangkitan.

Dos untuk jangkitan seksual yang tidak rumit adalah dos tunggal 1g.

### Kanak-kanak:

Dos permulaan biasa ZINNAT adalah 125mg ke 250mg dua kali sehari bergantung kepada tahap dan jenis jangkitan.

Dos permulaan boleh diubah bergantung kepada penyakit atau tindak balas anda atau anak anda terhadap rawatan. Lebih daripada satu rawatan mungkin diperlukan.

- Bila perlu digunakan

Ambil pil ZINNAT selepas makan. Ini boleh memberi rawatan yang lebih berkesan.

# ZINNAT TABLET

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh terapi biasa adalah tujuh hari (dari 5 hingga 10 hari). Adalah penting rawatan ZINNAT dihabiskan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Jangan berhenti walaupun anda berasa lebih sihat melainkan jika dinasihatkan oleh doktor anda. Jika anda tidak menghabiskan rawatan, jangkitan boleh kembali.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seterusnya pada masa yang telah ditentukan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil ZINNAT yang berlebihan, anda mungkin lebih muda mengalami sawan. Jangan berlengah. Hubungi doktor anda atau unit kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Jika boleh, tunjukkan pek ZINNAT kepada doktor.

**Semasa menggunakan ZINNAT**

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumat pada label akan memberitahu anda kuantiti dan kekerapan ubat yang perlu diambil. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Telan tablet ZINNAT keseluruhan dengan air. Jangan mengunyah, menghancurkan atau memecahkan tablet – Ini

boleh menyebabkan rawatan yang kurang berkesan.

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda. Jangan berikannya kepada orang lain

- ia boleh membahayakan mereka walaupun gejala-gejala mereka seolah-olah sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda memerlukan ujian darah:

ZINNAT boleh mempengaruhi keputusan ujian untuk tahap gula dalam darah, atau ujian darah yang dikenali sebagai ujian Coombs. Jika anda memerlukan ujian darah:

- Beritahu sesiapa yang mengambil sampel bahawa anda telah mengambil ZINNAT.

ZINNAT boleh menyebabkan pening kepala dan kesan sampingan lain yang boleh menyebabkan anda kurang berwaspada kepada sekeliling.

- Jangan memandu atau mengendalikan mesin melainkan jika anda rasa sihat.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan lain, ZINNAT boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang mengalaminya.

ZINNAT mungkin menyebabkan alahan yang teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan ZINNAT dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat sebarang gejala ini.

Reaksi alahan yang teruk  
Kesan ini sangat jarang berlaku untuk orang yang mengambil ZINNAT. Tanda-tanda termasuk:

- sakit dada dalam konteks tindak balas alahan, yang mungkin merupakan gejala infarksi jantung yang dicetuskan oleh alahan (sindrom *Kounis*)
- ruam kulit yang gatal dan menebal
- bengkak, kadang-kadang pada muka atau mulut, menyebabkan kesukaran bernafas
- pengsan

Tindak balas kulit yang serius

- ruam kulit melepuh dan kelihatan seperti sasaran kecil (tompok-tompok gelap di tengah yang dikelilingi oleh kawasan lebih cerah, dengan lingkaran gelap di sekitarnya) *erythema multiforme*
- ruam meluas dengan lepuh dan kulit mengelupas pada permukaan badan (toxic epidermal necrolysis), terutamanya di sekitar mulut, hidung, mata dan kemaluan (sindrom *Stevens-Johnson*).

Jangkitan kulat

Biasanya, ubat seperti ZINNAT boleh menyebabkan penumbuhan yis berlebihan (*Candida*) dalam badan dan menyebabkan jangkitan kulat (seperti seriawan). Kesan sampingan ini lebih kemungkinan berlaku sekiranya

# ZINNAT TABLET

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

anda mengambil ZINNAT untuk masa yang panjang.

Kadang-kala, ubat seperti ZINNAT boleh menyebabkan radang (usus besar), dengan kesan seperti cirit-birit, biasanya dengan darah dan lendir, sakit perut, demam.

Kesan sampingan yang biasa Ini mungkin mempengaruhi sehingga 1 dalam 10 orang:

- Sakit kepala
- Pening
- Cirit-birit
- Loya
- Sakit perut

Kesan-kesan sampingan biasa yang boleh didapati daripada ujian darah:

- Peningkatan sejenis sel darah putih (*eosinophilia*)
- Peningkatan beberapa bahan (enzim) yang dihasilkan oleh hati

Kesan sampingan yang tidak biasa yang mungkin muncul pada ujian darah:

- Pengurangan bilangan platelet darah
- Pengurangan bilangan sel-sel darah putih

Kesan sampingan yang sangat jarang berlaku Ini boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang:

- Demam
- Kekuningan pada putih mata atau kulit
- Radang hati

Kesan sampingan yang sangat jarang berlaku yang mungkin muncul pada ujian darah:

- Hancuran sel darah merah yang terlalu cepat (*haemolytic anaemia*)

Jika anda mendapat kesan sampingan

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika apa-apa kesan sampingan yang disenaraikan menjadi teruk atau menyusahkan, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan ZINNAT

### - Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Jangan mengambil ZINNAT selepas tarikh luput yang tertera pada label.

Simpan tablet anda di bawah suhu 30°C. Simpan di dalam bungkusan yang asal.

### - Pelupusan

Jangan buang tablet ZINNAT yang tidak diperlukan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

**250mg:**

Tablet putih hingga putih pudar, bujur, dwicembung dengan ukiran “GXES7” pada satu sisi dan tanpa ukiran pada sisi yang lain.

- dibekalkan dalam saiz pek 10 atau 50 tablet.

**500mg:**

Tablet putih hingga putih pudar, bujur, dwicembung dengan ukiran “GXEG2” pada satu sisi dan tanpa ukiran pada sisi yang lain.

- dibekalkan dalam saiz pek 10 tablet.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Setiap Zinnat tablet mengandungi 250mg atau 500mg bahan aktif cefuroxime (sebagai cefuroxime axetil)

- Bahan tidak aktif  
Zinnat Tablet 250mg & Zinnat Tablets 500mg  
Microcrystalline cellulose, Croscarmellose sodium, Hypromellose, Sodium lauryl sulphate, Hydrogenated vegetable oil, Colloidal silicon dioxide, Propylene glycol, Opaspray White.

- Nombor MAL  
ZINNAT TABLET 250mg  
MAL19890137ARZ

ZINNAT TABLETS 500mg  
MAL22086003ARZ

## Pengilang

Sandoz GmbH  
Biochemiestraße 10,  
6250 Kundl, Austria

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sandoz Products Malaysia Sdn. Bhd.  
Unit 1202, Level 12, Uptown 1,  
No. 1, Jalan SS 21/58,  
Damansara Uptown,  
47400 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

# ZINNAT TABLET

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

---

*Consumer Medication Information Leaflet (RiMUP)*

**Tarikh kemaskini RiMUP**

Julai 2025

**Nombor Siri**

NPRA (R1/4) 16042025/075